



" BANGKIT PERTAHAN KESUCIAN ISLAM "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ يُؤَذُونَ كَاللَّهَ وَرَسُولَهُ،
لَعْنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا
مُهِينًا .

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهِ وَلَا
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **"Bangkit Pertahan Kesucian Islam"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Beberapa minggu yang lalu, masyarakat Islam di Malaysia dikejutkan lagi dengan penyiaran filem yang menghina Rasulullah S.A.W, yang sekaligus menghina Islam. Lantaran itu mimbar turut terpanggil untuk membicarakan isu mempertahan kesucian Islam pada khutbah kali ini sebagai menyatakan rasa marah, tidak puas hati dan terkilan terhadap penerbit dan Negara yang dengan sengaja menerbitkan filem yang menghina Rasulullah S.A.W. Sesungguhnya sudah terlalu banyak tulisan-tulisan yang menghina Islam yang disiarkan.

Antara penghinaan tersebut ialah penulisan buku versi setan oleh Salman Rusdi, 1989, Taslima Nasreen, warga Bangladesh pada tahun 1990 dan laman web yang muncul pada tahun 2011. Laman web ini telah meletakkan gambar perempuan bercoli dan berseluar dalam serta diikuti gambar babi dan berbagai lagi objek jijik dan diletak di atas kaabah.

Nampaknya siri terbaru penghinaan terhadap Rasulullah S.A.W. dan Islam melalui filem **innocence of MUSLIMS**, (Muslim yang tak berdosa)



yang antaranya memaparkan watak, kononnya rasul S.A.W. gila seks. Di sana sini kedengaran suara bantahan daripada individu-individu, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik dan masyarakat awam terhadap pihak yang membuat filem jahat tersebut. Mereka menuntut supaya penerbitnya atau negara yang membenarkan penerbitan filem tersebut memohon maaf kepada masyarakat Islam seluruhnya. Malahan yang lebih membanggakan lagi pihak bukan Islam juga turut mengecam pembikinan filem tersebut yang amat tidak bertanggung jawab kerana ianya telah mewujudkan perasaan kebencian dikalangan pelbagai agama.

Ekoran darinya maka umat Islam di serata dunia termasuk di Malaysia telah bertindak menzahirkan amarahnya dengan membuat demonstrasi besar-besaran. Umat Islam memang peka dan sensitif, bertindak mempertahankan agama dan Rasul-Nya dari terus dihina atau dipermainkan.

Umat Islam tidak akan berkompromi ke atas mana-mana pihak yang cuba menghina Islam dengan apa jua cara. Umat Islam hendaklah mempunyai daya sensitiviti yang tinggi terhadap apa jua usaha oleh mana-mana pihak yang berniat jahat yang cuba menghina dan mempersenda Islam dan Rasul-Nya secara terbuka. Perlu ditegaskan bahawa setiap umat Islam mesti memiliki perasaan, kepedulian, kepekaan dan mujahadah yang mantap, kuat, kental dan semangat jihad yang tinggi sehingga sanggup bertindak bila-bila sahaja bagi mempertahan Islam daripada terus dihina atau dicabar oleh sesiapa sahaja.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Disinilah pentingnya setiap individu Muslim, NGO-NGO Islam, parti-parti politik, jabatan dan agensi yang menjaga pengurusan hal ehwal Islam termasuk kerajaan perlu mempunyai tasawwur Islam yang jelas, halus dan teliti dan sepatutnya tampil secara bersatu dan bersepakat membantah terhadap pihak yang melakukan penghinaan ke atas Islam dan rasul S.A.W. Pada masa yang sama semua pihak juga kena sedar dan bertanggungjawab supaya dapat mengawal setiap kegiatan yang dijalankan sama ada atas nama seni , kebebasaan berkarya, kebebasan bersuara, kebebasan berpendapat dan sebagainya yang memang dibenarkan tetapi hendaklah berasaskan tanggungjawab disamping tidak mempermudahkan keharmonian kehidupan beragama. Suasana ini hendaklah difahami dan dijaga, kerana Islam juga tidak membenarkan menghina agama lain secara terbuka.

Oleh itu, sebarang tindakan untuk menimbulkan kebencian oleh mana pihak merupakan tindakan yang tidak bertamadun, mundur dan akan menjadikan kehidupan tidak aman. Tindakan ini sudah pasti akan mewujudkan kesan negatif yang berterusan kerana adanya tindak balas dari pihak yang tidak berpuashati kerana kepercayaan mereka telah dihina. Sesungguhnya pencabulan atau penghinaan terhadap mana-mana agama termasuk Islam, bukanlah lambang kebebasan sebenar. Ia hanyalah kebebasan yang tidak bertanggungjawab kerana mengundang kemarahan dan bakal menyusahkan banyak pihak kerana reaksi dan tindak balas yang akan timbul, seperti yang terjadi sekarang.



Firman Allah SWT dalam surah Al-An'am ayat 108;

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ
عَدُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى
رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبَّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ



"Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah yang lain daripada Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas kerana tiada pengetahuan (mengenai Allah). Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia memberitahu kepada mereka apa yang mereka telah lakukan".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mimbar pada hari ini ingin menyeru umat Islam supaya sentiasa bermuhasabah dan menyedari bahawa sesuatu perlu dilakukan, antaranya;

Pertama : Semua pihak yang mempunyai bidang kuasa dalam mengawal, menyekat dan menghalang segala bentuk maklumat yang menghina Islam dan rasul-Nya hendaklah bertindak dengan pantas agar ianya tidak dapat ditontoni umum melalui apa juar saluran media.



- Kedua : Kita perlu bersatu menyatakan bantahan ke atas penerbit dan Negara yang membenarkan dakyah penghinaan terhadap Islam dan Rasul-Nya. Bantahan ini hendaklah dilakukan secara berterusan hingga ke semua peringkat.
- Ketiga : Pihak wisma putra hendaklah membuat nota bantahan terhadap Negara yang terbabit agar berhati-hati di masa akan datang supaya tidak lagi mengeluarkan bahan yang boleh menghina Islam.
- Keempat : Terus memboikot pembelian atau penggunaan terhadap barang keluaran Negara yang membenarkan penerbitan bahan yang menghina Islam, kita mulakan dengan yang mudah dahulu dengan tidak membeli barang yang diguna selalu dan mengalihkannya dengan membeli barang tempatan.

Pada masa yang sama, semua pihak yang terlibat dengan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia hendaklah bersatu mempertingkat dan memperkemas urus tadbir khususnya dalam bidang kawalan media supaya dapat bertindak dengan lebih cepat dan pantas ke arah mengekang unsur tersebut. kita bertindak secara proaktif yakni sentiasa mencari maklumat yang menghina islam dan terus bertindak ke atasnya agar tidak disebarluaskan dengan meluas.

Di samping itu, umat Islam hendaklah istiqamah dengan usaha mencegah kemungakaran, bukan sekadar kelihatan bersemangat berdemonstrasi pada waktu membantah filem yang menghina Islam tetapi pada masa yang sama pula tidak yakin dengan pelaksanaan syariat Islam



yang syumul. Keadaan ini tentulah berlawanan dan malahan boleh merosak aqidah. Ini adalah satu kenyataan yang dapat dilihat dimana masih ada orang Islam sendiri yang mengeluarkan kenyataan yang meragui kesempurnaan Islam. Terlebih malang lagi apabila pihak yang bertanggunjawab dan mempunyai kuasa mengawal fenomena ini tidak membuat sebarang tindakan bagi memperbetul keadaan. Ianya kelihatan seolah-olah mereka turut memberar dan merestui berlakunya keadaan ini.

Terakhir, umat Islam kena membanyakkan doa setelah pelbagai usaha tadi dilakukan dengan bersungguh-sungguh kerana Allah SWT boleh melakukan apa sahaja dibawah kekuasaannya untuk mengatasi puak atau pihak yang jahat tersebut, dengan syarat umat Islam benar-benar mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangannya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,


Kesimpulannya, memang umat islam tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang sengaja menghina islam dengan apa jua cara. Jadi, umat Islam mesti sentiasa melakukan usaha memberi nasihat, menegur dan memperbetul segala kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang sengaja mahu menghina Islam. Kita tidak boleh membiarkan kejahilan, kebodohan, kebebalan dan kemungkaran seumpama ini berterusan. Apatahlagi jika ianya di buat dengan menyatakan fakta yang tidak betul, tuduhan liar, fitnah dan melahirkan rasa kebencian yang tinggi terhadap islam.

Sesungguhnya umat Islam mempunyai peranan besar dalam arena dakwah ke arah; mendidik, membimbing dan memimpin umat, dengan pendekatan yang bijaksana dan berhikmah. Usahakanlah kegiatan membuat dan menyiaran bahan-bahan, termasuk filem, video, animasi,



artikel, rencana yang boleh menangkis apa sahaja serangan terhadap Islam disamping ianya dapat memberikan maklumat yang benar mengenai islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمِنْهُمُ الظَّالِمُونَ
يُؤْذُنَ النَّبِيَّ وَيَقُولُونَ هُوَ أَذْنٌ قُلْ
أَذْنُ خَيْرٍ لَكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ لِلذِّينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ يُؤْذُنَ رَسُولُ اللَّهِ
هُمْ عَذَابُ الْيَمِّ



"Dan di antara mereka (yang munafik itu) ada orang yang menyakiti Nabi sambil mereka berkata: "Bahawa dia (Nabi Muhammad) orang yang suka mendengar (dan percaya pada apa yang didengarnya)". Katakanlah: "Dia mendengar (dan percaya) apa yang baik bagi kamu, dia beriman kepada Allah dan percaya kepada orang mukmin, dan ia pula menjadi rahmat bagi orang yang beriman antara kamu". Orang yang menyakiti Rasulullah itu, bagi mereka azab yang pedih".

(At-Taubah: 61)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَّاعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىيَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاعُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ



ابنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْاَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru, kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ، يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.